



## KEMENTERIAN KESIHATAN

### PRESS INFO

#### **PENGEMASKINIAN DASAR LAWATAN KE SEMUA HOSPITAL KERAJAAN BAGI PESAKIT-PESAKIT, PELAWAT-PELAWAT DAN PENJAGA-PENJAGA SEMASA FASA ENDEMIK**

**Bandar Seri Begawan, 07 Syawal 1443 / 08 Mei 2022** – Berikutan dengan situasi terkini jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (fasa endemik), Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa **bermula hari Isnin, 09 Mei 2022**, semua hospital Kerajaan di bawah Kementerian Kesihatan telah membuat pengemaskinian pada **Dasar Lawatan ke Hospital-Hospital Kerajaan** dengan tujuan untuk menjaga keselamatan dan kesejahteraan para pesakit, pelawat, penjaga dan semua petugas-petugas hospital dari pendedahan kepada risiko penularan wabak COVID-19 di hospital.

Pengemaskinian pada dasar ini adalah seperti berikut:

Bil	Golongan	Kebenaran Lawatan
1	<b>Pesakit-pesakit</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>Hendaklah mempunyai kod BruHealth berwarna Hijau atau Kuning.</li><li>Kod BruHealth berwarna Merah atau Ungu HANYA dibenarkan jika perlu dimasukkan ke wad-wad atau memerlukan rawatan perubatan.</li><li>Hendaklah memakai sungkup muka pada setiap masa dan mengekalkan penjarakan fizikal.</li></ul> <p><b>Untuk pesakit luar (<i>outpatient</i>):</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>Hendaklah mempunyai bukti swab ART yang <b>NEGATIF</b> (sah dalam masa 24 jam).</li><li>Bagi individu yang tidak mempunyai BruHealth atau bukti swab ART yang negatif, mereka dikehendaki untuk melakukan ujian ART di stesen-stesen swab ART yang telah ditetapkan dengan menggunakan kit ART sendiri/peribadi.</li></ul>
2	<b>Pelawat-pelawat</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>Hendaklah melapor di <i>checkpoint</i> pemeriksaan yang telah ditetapkan sebelum masuk ke mana-mana klinik dan wad termasuk wad obstetrik atau unit-unit di dalam hospital.</li><li>Hendaklah mempunyai kod BruHealth berwarna Hijau atau Kuning.</li><li>Hendaklah mempunyai bukti swab ART yang <b>NEGATIF</b> (sah dalam masa 24 jam).</li><li>Bagi individu yang tidak mempunyai BruHealth atau bukti swab ART yang negatif, mereka dikehendaki untuk</li></ul>

		<p>melakukan ujian ART di stesen-stesen swab ART yang telah ditetapkan dengan menggunakan kit ART sendiri/peribadi.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bagi mengelakkan risiko jangkitan dan memastikan para pesakit yang dimasukkan ke wad mendapat rehat yang mencukupi serta menerima penjagaan dan rawatan tepat pada masanya: <ul style="list-style-type: none"> <li>➢ Hanya <b>dua (2) orang pelawat yang ditetapkan</b> (tidak termasuk penjaga) dibenarkan bagi setiap pesakit pada setiap sesi lawatan.</li> <li>➢ Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun tidak dibenarkan masuk ke wad/unit.</li> <li>➢ Pelawat hanya dibenarkan melawat pesakit di wad zon risiko rendah (<i>cold zone wards</i>).</li> <li>➢ Pelawat tidak dibenarkan melawat pesakit di wad tahanan, wad pengasingan atau mana-mana wad yang disekat aksesnya (<i>lockdown</i>).</li> <li>➢ Dengan kebenaran pesakit, para pelawat adalah dibenarkan untuk membuat panggilan video dengan ahli keluarga tetapi tidak dibenarkan melakukan rakaman video petugas, pesakit lain atau wad yang terlibat.</li> </ul> </li> <li>• Hanya <b>seorang (1) pelawat</b> dibenarkan menemani pesakit untuk temu janji/pengambilan ubat.</li> <li>• Semua pelawat hendaklah memastikan untuk: <ul style="list-style-type: none"> <li>➢ Memakai sungkup muka pada setiap masa dan mengekalkan penjarakan fizikal.</li> <li>➢ Perlaharkan suara dan elakkan dari membuat bising.</li> <li>➢ Mencuci tangan dengan sabun dan air atau gunakan sanitiser tangan sebelum dan selepas lawatan.</li> <li>➢ Memastikan telefon bimbit dimatikan atau aktifkan mod senyap (<i>silent mode</i>).</li> <li>➢ Tidak melawat pesakit jika pelawat adalah dalam keadaan tidak sihat atau sakit.</li> <li>➢ Menghormati privasi pesakit lain.</li> </ul> </li> </ul>
3	<b>Penjaga-penjaga pesakit (pendamping)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hendaklah melapor di <i>checkpoint</i> pemeriksaan yang telah ditetapkan sebelum masuk ke mana-mana wad termasuk wad obstetriks dan bilik bersalin (<i>labour room</i>).</li> <li>• Hendaklah mempunyai kod BruHealth berwarna Hijau atau Kuning.</li> <li>• Hendaklah mempunyai bukti swab ART yang NEGATIF (sah dalam masa 24 jam).</li> <li>• Bagi individu yang tidak mempunyai BruHealth atau bukti swab ART yang negatif, mereka dikehendaki untuk melakukan ujian ART di stesen-stesen swab ART yang telah ditetapkan dengan menggunakan kit ART sendiri/peribadi.</li> <li>• Hendaklah menunjukkan bukti ujian swab ART yang negatif kepada petugas di stesen jururawat/kaunter resepsi semasa masuk ke wad-wad termasuk wad obstetriks dan wad selepas bersalin.</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hanya <b>seorang (1) penjaga</b> bagi setiap pesakit dibenarkan.</li> <li>• <b>Pertukaran penjaga</b> bagi setiap pesakit adalah dibenarkan dan hendaklah mematuhi terma dan syarat yang sama seperti di atas.</li> <li>• Para penjaga hendaklah memastikan untuk: <ul style="list-style-type: none"> <li>➢ Memakai sungkup muka pada setiap masa dan mengekalkan penjarakan fizikal.</li> <li>➢ Perlahangkan suara dan elakkan dari membuat bising.</li> <li>➢ Mencuci tangan dengan sabun dan air atau gunakan sanitiser tangan dengan kerap.</li> <li>➢ Memastikan telefon bimbit dimatikan atau aktifkan mod senyap (<i>silent mode</i>).</li> <li>➢ Menghormati privasi pesakit lain.</li> </ul> </li> </ul>
--	--	------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi Talian Darussalam 123 atau layari laman sesawang [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn).

#### -TAMAT-

Rujukan : KK/PR/1  
 Tarikh : 07 Syawal 1443 / 08 Mei 2022